

**KECERDASAN KEROHANIAN MENURUT IMAM SAID HAWWA
SEBAGAI PEMANGKIN KEKUATAN JIWA MANUSIA
MENGHARUNGI MUSIBAH COVID-19**

*Spiritual Intelligence According to Imam Said Hawwa as a Source of Strength in Facing Covid-19
Calamity*

*Marina Munira Abdul Mutalib, Yuseri Ahmad, Dini Farhana Baharuddin & Suhailiza Md. Hamdani
Universiti Sains Islam Malaysia
*marina.m@usim.edu.my

Abstrak

Pada awal tahun ini, dunia telah dilanda dengan satu wabak yang bersifat pandemik yang mengorbankan ratusan ribu umat manusia akibat dijangkiti virus COVID-19. Dalam kegawatan penyelidikan mencari vaksin untuk virus ini, ramai sarjana tampil memperihalkan tentang bagaimana seharusnya umat Islam berhadapan dengan virus ini. Segenap manusia di seluruh dunia terkesan dengan wabak ini dan ia bukan hanya virus yang mendiami fizikal badan manusia tetapi ia juga melumpuhkan banyak sistem kehidupan manusia termasuklah aspek sosial, ekonomi, kekeluargaan, kerohanian dan sebagainya. Kajian ini akan mengupas sudut pandang kerohanian (spiritual) terutamanya dalam menghadapi musibah atau khususnya wabak COVID-19 bagi individu Islam yang beriman dengan ketentuan Allah iaitu Qada' dan Qadar-Nya. Metod kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan karya Sheikh Sa'id Hawwa iaitu *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* sebagai sampel kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa tingkah laku manusia sangat bersifat dinamik dan saling berkait rapat dengan nilai agama atau kerohanian seseorang. Niat seseorang dalam tingkah laku boleh diramalkan daripada sikap terhadap tingkah laku, norma-norma yang bersifat subjektif dan kawalan tingkah laku seseorang. Ia sangat membantu individu dalam menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di rumah semasa menghadapi pandemik COVID-19. Said Hawwa juga menjelaskan tentang domain kerohanian iaitu berpusat di hati dan domain-domain yang lain yang menyumbang kepada kecerdasan kerohanian yang mampu menjadi pertahanan bagi mereka yang menghadapi musibah terutama musibah COVID-19.

Kata kunci: Kecerdasan kerohanian, Sheikh Said Hawwa, Musibah, Covid-19

PENDAHULUAN

Ramai sarjanawan kontemporari telah tampil untuk memperihalkan tentang wabak penyakit COVID19 dan bagaimana umat Islam harus berhadapan dengannya. Ketika ini, masyarakat Islam khususnya sangat memerlukan panduan atau tatacara bagaimana seseorang Muslim harus berhadapan dengan musibah COVID-19 ini sesuai dengan konteks kehidupan sebagai Muslim. Ini kerana, wabak yang melumpuhkan pergerakan dunia ini bukan hanya memberi kesan kepada aspek fizikal manusia tetapi mencabar aspek spiritual dan kerohanian secara amnya. Rata-rata seluruh manusia sangat terkesan dengan pandemik ini kerana ia bukan hanya virus yang mendiami fizikal manusia tetapi ia juga melumpuhkan banyak sistem kehidupan termasuklah aspek sosial, ekonomi, kekeluargaan, kerohanian dan sebagainya.

Said Hawwa, seorang tokoh yang sangat dikenali dalam ilmu Islam telah banyak menulis tentang adab atau tata tertib seorang Muslim yang menekankan tentang kepentingan menjaga aspek kerohanian. Antara karya beliau yang tersohor ialah *Allah Jalla Jalaluhu, al-Rasul Sallahu alaihi wassalam, al-Islam, al-Asas fi al-Tafsir, Tarbiyatuna al-Ruhiyyah, Jundullah tsaqafan wa akhlakan*. Manakala dalam bukunya, *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* beliau menjelaskan mesej utama yang hendak disampaikan kepada masyarakat umat Islam tentang keperluan memahami dan mendalami makna tarbiyyah kerohanian. Sheikh Said Hawwa telah memilih tajuk *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* agar umat Islam merasa dekat dengan konsep tarbiyah diri iaitu merujuk kepada agama Islam sendiri. Beliau menjelaskan tentang domain kerohanian iaitu berpusat di hati yang menyumbang

kepada kecerdasan kerohanian. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas sudut pandang kerohanian (spiritual) menurut pandangan Sheikh Said Hawwa dalam menghadapi musibah atau khususnya wabak COVID-19. Ia sebagai satu saranan yang positif bagi individu Muslim yang beriman dengan ketentuan Qada' dan Qadar-Nya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang menggunakan karya Sheikh Sa'id Hawwa iaitu *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* sebagai sampel kajian. Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah induktif, deduktif dan kajian perbandingan. Sa'id Hawwa melalui metod penulisannya yang bersifat deskriptif lebih banyak menjelaskan melalui huraian dan perbahasan yang ringkas tetapi bermakna. Sebagai tokoh ilmun tarbiyyah yang disegani beliau tidak banyak menyentuh isu-isu yang membawa permasalahan atau konflik pemikiran dalam kalangan umat Islam tetapi lebih mementingkan kefahaman pembaca (Wan Mohd Yusuf Wan Chik et.al, 2018). Buku *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* ini dipilih kerana ia menjadi inspirasi bagi setiap Muslim dalam menjaga adab ketika berhadapan dengan apa jua ketentuan hidup sama ada baik ataupun bersifat musibah. Ia juga menjadi panduan bagi menjaga akidah dan akhlak umat Islam dalam konteks beriman dengan Qada' dan Qadar Allah SWT.

BIOGRAFI SHEIKH SAID HAWWA

Nama penuh Imam Sa'id Hawwa ialah Sa'id bin Muḥammad Dib Hawwā, dilahirkan di kota Hamah di Syria pada tahun 1935. Beliau telah kematian bondanya ketika usianya baru dua tahun dan telah diasuh oleh ayahanda dan nendanya. Ayahanda beliau pada ketika itu merupakan seorang pejuang, menentang penjajahan Perancis di Syria.

Walaupun bergelar yatim, beliau mendapat pendidikan yang baik melalui guru-guru yang dihormati keilmuannya antaranya Sheikh Muhammad al-Hamid, Sheikh Muhammad al-Hashimi, Sheikh Abdul Wahab Dabas, Sheikh Abdul Karim arrifa'i, Sheikh Ahmad Murad dan Sheikh Muhammad Ali Murad, Sheikh Muhammad al-Siba'i, Mustafa al-Zarqa dan lain-lain lagi (Wan Muhammad Yusuf Wan Chik et.al, 2018).

Mengikuti jejak langkah ayahandanya, beliau juga turut terlibat dalam perjuangan Islam iaitu pergerakan Ikhwanul Muslimin pada tahun 1952. Pada ketika itu beliau masih lagi menuntut di Universiti Syria. Pada tahun 1961, beliau berjaya menamatkan pengajiannya dan mendirikan rumahtangga pada tahun 1964 serta dikurniakan dengan empat orang cahayamata. Beliau juga turut bergerak aktif dalam perjuangan dakwah dan politik umat slam. Beliau merupakan tokoh penting dalam gerakan Ikhwanul Muslimin sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Pendidikan Sheikh Sa'id Hawwa

Pendidikan yang dilalui Imam Sa'id Hawwa tidak seperti orang lain. Dalam usia yang masih kecil bondanya telah meninggal dunia. Ayahandanya pula dimasukkan ke dalam penjara. Beliau telah mempelajari al-Qur'an seawal usianya lima tahun. Nendanya menghantar beliau mengaji al-Qur'an dengan seorang Sheikh yang Hafiz yang buta penglihatan dan telah khatam al-Qur'an seawal usianya tujuh tahun. (Sa'id Hawwa 1987:16).

Atas faktor kemiskinan, beliau juga pernah berhenti sekolah. Namun, sebagai seorang yang rajin dan tajam pemikirannya beliau boleh menguasai ilmu hisab dengan baik dan sentiasa mencari peluang membaca buku-buku semasa membantu ayahandanya di pasar. (Mawaddah Baderun, 2016; Sa'id Hawwa 1987: 9). Selepas keadaan kewangan keluarganya semakin baik, ayahnya telah menghantar beliau mengikuti kelas malam di dar al-Ansar. Rutin hariannya pada siang hari membantu ayahnya di pasar, dan pada waktu malam gigih menuntut ilmu. Walaupun, terpaksa bersaing dengan pelajar yang lebih dewasa, beliau tetap cemerlang dalam semua peperiksaan yang didudukinya. (Muhammad Pisol 2001: 18; Mawaddah Baderun, 2016, hal. 23).

Seawal usianya 12 tahun, beliau telah didedahkan dengan karya-karya ahli falsafah Greek dan Barat seperti Aristotle, Plato Nichart dan lain-lain. Beliau juga banyak membaca tentang sejarah revolusi Perancis, buku-

buku agama seperti tasawuf, akhlak, akidah. Pada tahun, 1948, beliau memulakan pengajian di Sekolah Menengah al-Rusyd yang memberi kesan penting kepada kehidupan Sheikh Sa'id Hawwa kerana berpeluang menyertai halaqah ilmu yang disampaikan oleh seorang guru terkenal iaitu Sheikh Muhammad Hamid di Masjid Sultan. (Sa'id Hawwa, 1987: 24; Mawaddah Baderun 2016: 23).

Sekitar umur beliau 17 tahun, Sheikh Sa'id Hawwa juga telah berjinak-jinak dengan Jemaah Ikhwanul Muslimin di Syria. Beliau turut dikenali kerana perwatakan dan karisma yang beliau miliki. Walaupun, aktif berpersatuan, tanggungjawab membantu ayahandanya tetap dilaksanakan (Muhammad Pisol 2001:19). Ketika dalam gerakan Ikhwan, beliau telah didedahkan dengan pendidikan secara usrah yang dipimpin oleh Ustaz Mustafa al-Sirafi, juga seorang tokoh yang dikenali di Hamad. "... bakat pidato dan ceramah beliau diasuh dengan berceramah di pentas, demonstrasi atau berkhotbah di masjid" (Mawaddah Baderun 2016: 23; Mohd. Rumaizudin 2013; Haziha 2014).

Kemudian pada tahun 1956, beliau menyambung pengajian di Fakulti Syariah, Universiti Damsyik. Selain mengikuti pengajian di dalam universiti, beliau juga turut mendampingi ulama-ulama tersohor dengan mengikuti kuliah yang diadakan di luar universiti. Antara guru-guru penting yang telah mengajar beliau ialah Dr Mustafa al-Siba'i, Sheikh Muhammad al-Hasyimi, Sheikh Abdullah al-Harari iaitu seorang ulama dan pakar hadith. Semasa berguru dengan Sheikh Abdullah al-Harari, beliau telah menghafal matan alfiyah al-'Iraqi dan berguru dengan Dr Fauzi dalam ilmu Fiqh mazhab Hanafi dengan menggunakan kitab al-Hidayah dan bertalaqi al-Qur'an dengan Sheikh di Masjid Al-Sultan untuk memperbaiki mutu bacaan dan menghafaz dengannya (Sa'id Hawwa 1987: 44). Semasa berguru dengan Sheikh Muhammad al-Hashimi, beliau telah mula berazam untuk mempraktikkan amalan sufi dalam dirinya secara konsisten dengan mengikuti tariqat sufi, majlis-majlis zikir dan selawat yang dianjurkan oleh sheikh-sheikh tariqat sufi seperti Sheikh Burhani, Sheikh Abdul Qadir 'Isa dan Sheikh Basyir al-Bahuni. (Mawaddah Baderun & Haziha hussin, 2016).

Sumbangan Sheikh Sa'id Hawwa meliputi bidang pendidikan, penulisan, kerohanian, kegiatan dakwahnya dan juga melalui pembangunan ummah. Sebagai seorang yang banyak menyumbang kepada pembangunan kerohanian peribadi Muslim, beliau telah mengusahakan sebuah sekolah yang memberi penekanan kepada aspek ilmu pengetahuan (al-aqal) dan keseimbangan dari sudut kerohanian (aspek al-nafs, al-ruh dan al-Qalb) sebagai pemangkin dalam pembentukan peribadi Muslim (Mawaddah Baderun & Haziha hussin, 2016).

Sa'id Hawwa mempunyai keperibadian yang amat dihormati dan tidak terlepas daripada mengharungi ujian dan cabaran dalam hidupnya. Semasa hayatnya, Sheikh Sa'id Hawwa juga diberikan ujian yang hebat. Beliau pernah dipenjarakan selama lima tahun. Selama tempoh itu, beliau tidak membuang masa tetapi gigih menulis dan telah menyiapkan karya-karya agung seperti *al-Asas fi al-Tafsir*, *Fi afaq al-Ta'lim* dan beberapa penulisan lain (Sa'id Hawwa 1987: 99).

Buku *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* ini dipilih kerana ia menjadi inspirasi bagi setiap Muslim dalam menjaga adab ketika berhadapan dengan apa jua ketentuan hidup sama ada baik ataupun bersifat musibah. Ia juga menjadi panduan bagi menjaga akidah dan akhlak umat Islam dalam konteks beriman dengan Qada' dan Qadar Allah SWT.

Metod penulisan Sheikh Imam Sa'id Hawwa antaranya ialah: (1) menyatakan perkara yang utama, (2) menggunakan laras bahasa yang mudah, (3) penekanan terhadap dalil al-Quran yang bersifat sahih dan hasan, (4) menggunakan teknik bercerita yang mudah, (5) bersederhana dalam berinteraksi dalam mazhab fiqh, (6) bersederhana menjawab persoalan adab dan tasawuf. Walau bagaimanapun, ini tidak menafikan kedudukan beliau dalam bidang tasawuf dan peranan tasawuf dalam kehidupannya. Antara karya agung beliau dalam bidang tasawuf ialah *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Menurut Aqil (2003) kelebihan karya ini ialah "ia bukan hanya menyentuh tentang tasawuf yang bersifat pasif, tetapi tasawuf yang membangkitkan jiwa agar masyarakat berjiwa kukuh dan bersih." (Wan Muhammad Yusuf Wan Chik et.al, 2018).

KEPENTINGAN KECERDASAN KEROHANIAN (SPIRITUAL INTELLIGENCE)

Elmi Baharuddin & Zainab Ismail menyatakan (2015) bahawa kajian mengenai domain kecerdasan kerohanian adalah sangat penting untuk memastikan kepentingannya diperhalusi dengan baik. Kecerdasan Rohani (Spiritual intelligence) adalah kunci utama untuk menghadapi setiap cabaran yang mendatang. Kecerdasan Rohani yang dimaksudkan haruslah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Elmi Baharuddin (2013) mendefinisikan kecerdasan kerohanian Islam sebagai kekuatan dalaman manusia yang berasal dari jiwa, hati, perasaan, keimanan yang mendalam, amalan ketekunan berdasarkan petunjuk daripada Allah dan akhlak yang baik.

Menurut Zulkifli et al. (2009), perkataan rohani atau spiritual adalah kata lawan dari perkataan yang berunsurkan material iaitu bukan material. Unsur-unsur bukan material ini dikenalpasti sebagai roh (al-ruh) dan jiwa (al-nafs), yang berasal langsung daripada Allah SWT. Ia juga dirujuk sebagai suatu keupayaan mental yang menyumbang kepada kesedaran, integrasi, aspek penyesuaian aplikasi daripada perkara bukan material dan keadaan kerohanian seseorang (Drakulevski & Veshoska (2014). Menurut al-Dzaki (2005) pula, beliau menggambarkan domain kerohanian sebagai orang yang mengenali Tuhan, merasakan kehadiran dan pengawasaan Tuhan, siddiq, amanah, berdakwah, ketekunan, keikhlasan, bijak, sentiasa bersyukur kepada Allah dan merasa malu untuk melakukan perbuatan dosa.

Ini juga disokong oleh kajian empirikal yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Mazlan Ibrahim et.al (2020) bahawa tingkah laku manusia sangat bersifat dinamik dan saling berkait rapat dengan nilai agama atau kerohanian seseorang. Niat seseorang dalam tingkah laku boleh diramalkan daripada sikap terhadap tingkah laku, norma-norma yang bersifat subjektif dan kawalan tingkah laku seseorang. Ia sangat membantu individu dalam menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di rumah semasa menghadapi pandemik COVID-19. Kajian ini juga telah merujuk pandangan tokoh ilmuah Islam seperti Al-Ghazali (1988), Sa'id Hawwa (1988), al-Muhasibi (2003), Ibn Qayyim al-Jauziyyah (2001) yang kesemua mereka berpendapat bahawa tingkah laku, amalan dan perbuatan boleh dibentuk melalui jiwa yang kuat dan penuh ketaatan kepada urusan agama.

Sa'id Qutb (1983) juga berpandangan bahawa kelemahan tingkah laku dan moral seseorang pula berpunca daripada lemahnya penghayatan nilai agama sehingga menjurus kepada pelanggaran norma-norma dan perintah dalam agama. Oleh itu, dalam menghadapi situasi norma baharu dalam pandemik ini, kerohanian seseorang memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan tingkahlaku dan perbuatan individu (Mazlan Ibrahim et.al, 2020).

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kecenderungan seseorang terhadap aspek kerohanian dan agama sangat memainkan peranan dalam menghadapi apa jua kemungkinan. Di dalam satu kajian, Bagheshahi et al. (2014) menjelaskan bahawa kecerdasan rohani sebagai penyesuaian terhadap amalan tertentu yang meliputi empat domain iaitu pemikiran kritis terhadap sesuatu perkara atau amalan, penghasilan makna, kesedaran kerohanian dan perkembangan kesedaran. Apabila dikaitkan dengan pandemik COVID19, ia dapat disimpulkan bahawa dalam menghadapi situasi yang membimbangkan ini, kecerdasan kerohanian dapat menyumbang kepada penyesuaian seseorang dalam menghadapi musibah, termasuklah memahami situasi getir ini dan membiasakan dengan norma-norma baharu dan memantau perkembangan kesedaran individu dari semasa ke semasa.

Dalam konteks Islam, Imam Sa'id Hawwa pula menjelaskan tentang empat proses penting dalam memupuk fasa kerohanian Islam seseorang iaitu; 1. Meninggalkan larangan Allah SWT dan menunaikan perintahNya; 2. Memahami dan mencari hikmah atas setiap perkara yang berlaku sebagai ketentuan Allah SWT; 3. Memupuk atau menjaga setiap perkara yang menjamin kesihatan jiwa dan nurani; 4. Memahami kesan kesihatan rohani seseorang kepada dirinya. Ini juga bersesuaian dalam konteks menghadapi musibah COVID19 ini, yang mana seseorang manusia harus kembali kepada fitrah asalnya iaitu Allah menjadikan manusia dengan akal, hati, pancaindera, jasmani dan rohani yang seimbang agar dapat menjaga perihal fizikal mahupun spiritual manusia. Apabila berhadapan dengan musibah ini, perkara yang diajarkan oleh Imam Sa'id Hawwa ialah melihat kepada asas agama, apa yang dibenarkan dan apa yang dilarang. Selain itu, penting untuk seseorang mencari dan

mendalami setiap musibah atau ujian yang didatangkan oleh Allah SWT, bukanlah suatu perkara yang sia-sia. Sebaliknya ia sarat dengan pelbagai pengajaran dan tauladan untuk diri manusia sendiri. Imam Sa'id Hawwa juga mementingkan kepada keseimbangan dalam menjaga kesihatan fizikal dan rohani seseorang sehingga menampakkan keberhasilan penjagaan kesihatan rohani ini ke atas fizikal dan jasmani manusia.

ADAB SEORANG MUSLIM BERHADAPAN DENGAN MUSIBAH COVID-19 (TARBIYYAH RUHANIYYAH)

1. Musibah tanda Kasih Sayang Allah

Allah SWT bersifat rahmah terhadap seluruh makhluk-Nya yang merangkumi sekalian manusia sama ada orang-orang muslim atau kafir. Rahmat Allah SWT itu adalah teramat luas serta tidak terhitung oleh manusia. Ujian yang dihadapi oleh manusia juga adalah sebagai satu rahmat daripada-Nya untuk mengelakkan manusia daripada terus lalai dalam maksiat dan hanyut dengan nikmat dunia. Musibah merupakan kejadian yang tidak diingini oleh manusia serta mendatangkan beban. Hakikatnya, reaksi penerimaan manusia terhadap musibah dapat membongkar rahsia hati sama ada benar-benar beriman atau sebaliknya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah SWT tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta.” (Surah al-‘Ankabut, 29: 2-3)

2. Sabar

Berhadapan dengan musibah atau ujian sememangnya sukar dan menguji kesabaran. Salah satu cara meningkatkan kesabaran adalah dengan meluruskan dan memperbaiki niat, serta melipatgandakan amalan membaca al-Quran dan berzikir. Di samping itu, berpuasa sunnah turut meningkatkan kesabaran kerana ia mampu menahan pelbagai macam hawa nafsu seperti lapar, emosi, dan syahwat. Melatih kesabaran secara terus menerus akan dapat meningkatkan kesabaran. Sifat ini dapat juga dilatih dengan mengambil iktibar melalui ujian yang dihadapi oleh para nabi dan rasul. Nabi Muhammad SAW bersabda:

“... barang siapa yang menyabar-nyabarkan diri (berusaha bersabar), maka Allah akan menjadikannya orang yang sabar...” (HR. Bukhari)

3. Sifat Mahmudah

Sabar dan beberapa sifat lain seperti *hilm* (berlemah lembut), yakin, redha, tawakkal, syukur berserah diri menurut pandangan Sheikh Sa'id Hawwa akan terzahir apabila seseorang memiliki hati yang sihat. Sifat-sifat ini akan terzahir dalam diri manusia apabila seseorang menjaga perihal kerohaniannya. Sebagai seorang yang sangat 'alim, Sheikh Sa'id Hawwa ada menyarankan amalan-amalan yang mendekati seseorang dengan Allah sekaligus meningkatkan kecerdasan kerohanian seorang Muslim. Amalan yang disarankan amat mudah dan sesuai dilaksanakan secara harian terutamanya semasa dalam tempoh Perintah Kawalan pergerakan (PKP) seiring dengan mengamalkan norma baharu semasa pandemik ini.

4. Perbanyakkan Ibadah

Muadh Sa'id Hawwa menukulkan antara amalan-amalan yang dianjurkan oleh bapanya ialah menjaga hubungan dengan Allah SWT sebagai sebagai asas penting kepada tarbiyah ruhiyyah (kecerdasan rohani) seseorang. Antara amalan yang sangat dijaga oleh Sheikh Sa'id Hawwa ialah Istiqamah dalam menunaikan solat fardhu, meningkatkan amalan solat sunat nawafil dan bertahajud serta bangun malam (*Qiyamullail*), memperbanyakkan membaca al-Qur'an, *zikirullah* dan berdoa. Antara zikir-zikir yang selalu dilazimi beliau ialah istighfar (100 kali), selawat ke atas Nabi Muhammad SAW (100 kali), zikir *La ilah illa Allah* (100 kali), membaca surah al-Ikhlash, al-Falaq dan al-Nas (3 kali) setiap kali pagi dan petang. Selain itu, beliau juga mengamalkan zikir yang

ma'thur seperti *Laa Ilah illa Allah, Subhanallah, Alhamdulillah, Allahu Akbar, Subhanallah wa bihamdihi Subhanallah al-Azim. Walahawla Wala Quwwata illa billah*. Beliau menyatakan bahawa seseorang tidak dapat mendalami tauhid tanpa zikir, dan zikir adalah cara untuk mentauhidkan Allah SWT di dalam hati. Sebagai contoh membaca *Subhanallah* hati akan menzahirkan Maha Suci Allah daripada sesuatu, *Alhamdulillah* meyakini bahawa Dialah yang Maha Memberi Rezeki, *Allah Akbar* membesarkan Allah daripada selain-Nya di dalam hati, *wala hawla wala quwwata illa billah* tiada pembuat melainkan Allah SWT (Sa'id Hawwa, 1999: 160).

5. Mencintai Ulama' dan Orang Soleh

Selain itu, Sa'id Hawwa menekankan kepada mencintai ulama dan orang soleh. Beliau menghormati dan memuji orang soleh kerana mereka merupakan *ahlul ibadah* (orang yang sentiasa beribadah) kepada Allah SWT (Sa'id Hawwa, 1999:181). Sheikh Sa'id Hawwa juga sangat mengasihani penuntut ilmu dan menyarankan supaya sentiasa menghadiri majlis ilmu (halaqah ilmiah) secara langsung atau tidak langsung. Ini juga boleh dilakukan dengan mendengar atau menonton program berbentuk Islamik dalam media elektronik. Seorang ayah juga boleh memainkan peranan menyampaikan ilmu bersama ahli keluarga.

Seorang Muslim yang telah ditarbiyah hatinya berteraskan akidah yang mantap kepada Allah SWT akan merasai kecerdasan rohani yang akhirnya menghasilkan perasaan tenang dan bahagia walaupun di kala orang lain kegusaran. Meyakini Allah sebagai Tuhan seluruh alam, Nabi-nabi sebagai utusan, panduan daripada kitab khususnya al-Quran, peranan malaikat, hari kebangkitan dan qada dan qadar serta menyedari diri sebagai hamba akan membangunkan kecerdasan rohani yang mampu menerima apa jua keadaan yang ditentukan Allah dengan sabar dan redha (Sa'id Hawwa, 1999: hal. 158-161). Inilah yang perlu diaplikasikan dalam situasi sekarang dalam menempuh musibah COVID-19.

Tarbiyah kerohanian ini juga dapat menguatkan kesedaran dan keyakinan seorang Muslim kepada Allah dan menyedari bahawa Islamlah satu-satunya agama yang memberikan panduan yang menyeluruh dalam memelihara seseorang daripada pelbagai ancaman mahupun situasi, sesuai dengan fitrah dan penciptaan-Nya.

KESIMPULAN

Kecerdasan Rohani seorang Muslim yang dibimbing dengan akhlak dan iman yang teguh dapat membantu ia itu untuk kekal sihat, cerdas, positif dari sudut emosi, jasmani dan rohani. Sheikh Sa'id Hawwa memperihalkan tentang kesihatan yang banyak menjurus kepada kesihatan batin iaitu rohani. Tidak dinafikan lagi, bahawa dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesihatan rohani seseorang dapat menyumbang kepada kesihatan fizikal dan jasmani. Kecerdasan rohani yang diperolehi dapat membantunya menempuh segala ujian dalam kehidupan. Proses pentarbiyan ini mendidik jiwa manusia untuk yakin bahawa apapun yang berlaku adalah daripada Allah dan ketentuan Qada' dan Qadar-Nya. Malah, sebagai orang beriman, kita yakin bahawa tiada sesuatu pun yang Allah jadikan sebagai sia-sia. Kesedaran yang dianjurkan oleh Sheikh Sa'id Hawwa berupaya membantu seseorang itu bangkit semula dalam apa jua keadaan atau situasi sukar, berpandangan jauh. Ujian Covid-19 juga mendidik manusia untuk mengambil 'ibrah dan mencari hikmah di sebalik apa jua yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan USIM COVID 19 P1-17-14020-UNI-CVD-FKP, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Setinggi-tinggi penghargaan kepada Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi atas semua bantuan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Afifuddin M.M. & Nooraini O. (2016). "The Ruqyah Sya'iyah Spiritual Method as an Alternative for Depression Treatment." *Mediterranean Journal of Social Science*. 7 (4): 406-411.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (t.t.). *Rawdah al-Talibin wa 'Umdah al-Salikin*. Beirut: Darul Nahdah al-Hadisah.
- Al-Aqil, Abdullah. (2003). *Mereka yang telah Pergi; Tokoh-tokoh Pembangun Pergerakan Islam Kontemporeri*. Jakarta: Al-I'tisham Cahaya Umat.
- Bagheshahi, F., Kargar M., Manshadi, S.D. & Kypadkhoo, L., (2014). "Explain the Relationship between Spiritual Intelligence and Demographic Characteristics of Effective Manager." *Indian Journal of Fundamental and Applied Life Sciences*. 4 (1):387-397.
- Elmi Bin Baharuddin & Zainab Binti Ismail. (2015) "7 Domains of Spiritual Intelligence from Islamic Perspective". *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 211: 568-577.
- Mawaddah Baderun & Haziyah Hussin. (2016). "Sheikh Sa'id Hawwa: Latar Belakang dan Ketokohan dalam Bidang Pendidikan Islam." *Al-Hikmah*, 8 (1): 19-35
- Mazlan Ibrahim, Ab Rahman Z., Moh Nor A.Y., Kashim M.I.A.M, Kamarudin Salleh, Mohd Haidar Kamarzaman, Ahmad Zaki Hasan, Abdul Rahim Ridzuan, Salasiah Hanin Hamjah, Hanif Md. Lateh, Muhammad bin Yusof, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Muhd Najib Abdul Kadir. (2020). "An Islamic Approach (Religiosity) and Theory of Planned Behavior during the COVID 19 Pandemic." *International Jurnal of Psychosocial Rehabilitation*. 24 (1): 5424-5435.
- Mohd Rumaizudin Ghazali. (2013). *Biografi Sarjana Muslim Timur Tengah Abad 19 DAN 20*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Sa'id Hawwa & Mu'az Sa'id Hawwa (2010). *Maqalat 'an Walidi Sa'id Hawwa*. Laman sesawang <http://www.Sa'idhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qRTRKbk52ZFhKalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx> diakses pada 27 Ogos 2020.
- Sa'id Hawwa.(1987). *Ijazah Takhassus al-Du'at*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.
- _____.(1987). *Qawanin al-Bayt al-Muslim*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.
- _____.(1988). *Kai Li Namdhi Ba'idan 'an Ihtiyajat al-'Ashr*. Kaherah: Muasassah Khalij 'Arabi.
- _____. (1988). *Mustakhlash fi Tazkiah al-Anfus*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.
- _____.(1989). *Al-Asas fi al-Tafsir*. Jilid 1. Kaherah: Dar al-Salam.
- _____. (1999). *al-Siddiqina wa al-Rabbaniyyin min Khilal al-Nusus wa Hikam Ibn 'Ata'illah al-Sakandari*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salam.
- _____. (1999). *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sayyid Qutb. (2000). *Fi Zilali al-Qur'an di Bawah Bayangan al-Qur'an*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdb. Bhd.
- Toto Tasmara. (2001). *Kecerdasan Kerohanian (Transcendental Intelligence)*. Jakarta: Gema Insani.
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Abdul Wahab Ali, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Abdullah Alqari Mohd Zabudin, Lateefah Kasamasu. (2018). "Metod Penulisan Sa'id Hawwa Berhubung Kekeluargaan Islam Menerusi Karyanya Qawanin al-Bayt al-Muslim." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 17: 69-79.